

Pemuda PAS serah memo sokong daftar pengundi secara automatik
Malaysian Insider
Oct 30, 2014
OLEH DIYANA IBRAHIM

Pemuda PAS hari ini menyerahkan memorandum kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim bagi menyokong penuh saranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menukark sistem pendaftaran pengundi secara automatik sepenuhnya bagi menggantikan sistem sedia ada.

Pengarah Pilihan Raya Pemuda PAS, Mohd Sany Hamzan (gambar, kanan) berkata sokongan terhadap saranan SPR itu dilihat amat penting bagi menyelesaikan pelbagai masalah dan kekurangan yang berlaku dalam sistem pilihan raya di Malaysia.

Dengan penukaran sistem tersebut dapat memudahkan pendaftaran pengundi baru di kalangan anak muda, kata beliau.

Memorandum diserahkan Sany sendiri kepada Shahidan di lobi Parlimen kira-kira jam 11 pagi tadi.

Beliau berkata, kewajaran pemuda PAS menyokong penukaran sistem pendaftaran pengundi kerana dengan pendekatan itu tidak menunjukkan SPR memaksa rakyat untuk mengundi.

"Hak untuk mengundi masih terletak di tangan pengundi.

"Malah SPR tidak perlu mengubah undang-undang mewajibkan setiap individu untuk keluar mengundi, kerana SPR hanya perlu melayakkan rakyat berdaftar secara automatik," katanya.

Selain itu, katanya, penukaran sistem itu sekali gus menyaksikan pengurangan perbelanjaan negara dalam proses pendaftaran pengundi.

"Ini kerana ia dilakukan secara automatik dan seterusnya menjimatkan tenaga kerja dan masa," katanya.

Sany dalam cadangannya kepada SPR berkata, badan itu perlu bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk menyalurkan senarai warganegara yang sudah mencapai umur 21 tahun.

"Senarai data ini akan diproses pegawai SPR untuk didaftarkan sebagai pengundi baru.

"Pemuda PAS melihat proses ini jauh lebih mudah untuk dilaksanakan dan dapat

mengelakkan daripada manipulasi data oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Kita berharap SPR dapat mempertimbangkan cadangan tersebut demi memastikan sistem pilihan raya Malaysia bersih dan telus daripada sebarang penipuan," katanya.
– 30 Oktober, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-pas-serah-memo-sok-ong-daftar-pengundi-secara-automatik#sthash.Hc4mFPQU.dpuf>